

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA IKLAN. 6/2022
PEJABAT DAERAH SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TAHUN 2022



Sebut harga adalah dipelawa kepada Kontraktor BUMIPUTERA yang memegang Sijil Asal G1 Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK) yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) dalam Gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan. dan Sijil Perakuan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang beralamat di Daerah Seremban sahaja bagi menyertai tawaran sebutharga seperti di **LAMPIRAN A**.

SYARAT-SYARAT MENYERTAI TAWARAN SEBUT HARGA :-

1. Sila isi **Borang Saring Wajib Sebut Harga** dan **Muat Naik (Upload)** salinan Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB, SPKK dan PKK serta *Kebenaran Khas (jika perlu) dan slip pembayaran (wajib) dalam bentuk PDF mulai dari tarikh iklan ini sehingga **07 Jun 2022** secara atas talian melalui pautan <https://forms.gle/SgAK5FRknMvgGnrM9>
2. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli mulai daripada **tarikh iklan sehingga 07 Jun 2022** dan bayaran hendaklah dibuat secara **PERBANKAN INTERNET SAHAJA** seperti berikut:
 - No. Akaun : **8004433398 (CIMB BANK)** atas nama **BENDAHARI NEGERI NS – Akaun Terimaan**
 - Kontraktor **DIWAJIBKAN** mengisi maklumat **KOD BAYARAN** seperti berikut:-

Ref 1 : PDTsBN(PEM)


Ref 2 : SH1122 ATAU/DAN SH1222

***PERINGATAN : TIADA WANG DIKEMBALIKAN** BAGI PEMBELIAN SELEPAS PADA TARIKH YANG TELAH DITETAPKAN

Bayaran pembelian dokumen boleh dibuat **secara bersekali dengan menyatakan No.Ref yang mewakili nombor sebutharga yang berkenaan sebagai rujukan kami (Satu resit mewakili satu Syarikat Sahaja)*

SLIP BAYARAN **WAJIB DIKEPILKAN BERSAMA DOKUMEN SEBUTHARGA sebagai pengesahan pembelian dokumen.*

3. Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun menerusi pautan seperti di **LAMPIRAN A** mulai **09 Jun 2022** hingga **16 Jun 2022**.
4. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**
 - a) **Nota Taklimat Sebut Harga** boleh diperolehi secara atas talian melalui pautan seperti di **LAMPIRAN A** mulai tarikh iklan ini.
5. **TARIKH TUTUP SEBUTHARGA : 16 JUN 2022**
6. Dokumen Sebut Harga dalam bentuk (Salinan Cetak) yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis No. Sebut Harga di sebelah kiri sampul yang dialamatkan kepada Pegawai Daerah Seremban, Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, Kompleks Pentadbiran Daerah Seremban, Persiaran S2 A2, Seremban 2, 70300 Seremban dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan tidak lewat jam **12.00 tengahari**. Dokumen Sebut Harga yang lewat tidak akan dilayan. Dokumen Sebut Harga yang tidak dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dilabelkan tidak akan dipertimbangkan bagi proses seterusnya.


(NUR AIRINA BINTI MAZLAN)
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Seremban

TARIKH: 01 JUN 2022

**KENYATAAN SEBUTHARGA
PEJABAT DAERAH SEREMBAN
IKLAN 6/2022**

| BIL. | 1 | 2 |
|-------------------------------------|--|---|
| NO. SEBUTHARGA | PDS(P)/SH/11/2022 | PDS(P)/SH/12/2022 |
| TAJUK SEBUTHARGA | KERJA-KERJA BAIKPULIH RUMAH NO.247 DAN NO.258 DI TAMAN JUJUR SIKAMAT, SEREMBAN  | KERJA-KERJA MEMBINA BARU RUMAH MANGSA KEBAKARAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN  |
| GRED | G1 | G1 |
| KOD BIDANG | B, CE | B, CE |
| PENGGHUSUSAN | B04, CE21 | B04, CE21 |
| TAKLIMAT WAJIB / TIDAK WAJIB | TIDAK WAJIB | TIDAK WAJIB |
| HARGA DOKUMEN | RM30.00 | RM30.00 |
| TARIKH JUALAN DOKUMEN | Mulai dari tarikh iklan sehingga 7 JUN 2022 | Mulai dari tarikh iklan sehingga 7 JUN 2022 |
| MUAT NAIK DOKUMEN WAJIB | Muat turun naskah sebut harga mulai 9 JUN 2022 hingga 16 JUN 2022  | Muat turun naskah sebut harga mulai 9 JUN 2022 hingga 16 JUN 2022  |
| TARIKH TUTUP | 16 JUN 2022 | 16 JUN 2022 |